

27 MAY 1998

DOMPOK AMBIL ALIH JAWATAN PENGERUSI BN NEGERI

KOTA KINABALU, 27 Mei (Bernama) -- Bakal Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok hari ini secara rasmi mengambil alih jawatan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Negeri daripada Datuk Yong Teck Lee yang akan menamatkan tempohnya sebagai Ketua Menteri.

Majlis penyerahan dan penerimaan tugas Pengerusi BN negeri itu berlangsung di bilik gerakan BN di Putatan dekat sini dengan dihadiri pemimpin parti komponen BN.

Dompok berikrar untuk meneruskan kerja yang telah dijalankan dengan baik oleh Yong.

"Datuk Yong telah meletakkan institusi BN negeri pada suatu tahap yang tidak pernah dicapai sebelum ini, dan apa yang harus saya lakukan sekarang ialah meneruskan kerja mengikut apa yang sudah disediakan itu," kata Dompok.

Katanya beliau mengharapkan kerjasama dan sokongan daripada semua pihak seperti yang diperolehi Yong sebelum ini.

Dompok, Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar dan Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) akan mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri yang ke-11 di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai esok, mengikut sistem penggiliran jawatan itu di negeri ini yang dilaksanakan oleh BN.

Dompok juga berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana keyakinannya kepada beliau untuk mengetuai BN negeri dan memegang jawatan Ketua Menteri.

-- BERNAMA

KG NMO